

06/08/1998

Golongan kaya wajar berkorban atasi gawat

KUALA LUMPUR, Rabu - Golongan berpendapatan tinggi perlu membabitkan diri dalam melaksanakan lima langkah penting seperti yang disarankan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi membantu kerajaan memulihkan ekonomi negara.

Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Anuwar Ali, berkata, bagi mencapai matlamat itu, mereka harus memberi maklumbalas positif dalam segala program yang dirancang.

"Golongan berkenaan, terutama ahli korporat, terbabit secara langsung dalam pelbagai aspek pengurusan syarikat termasuk pelaburan dan wajar membuat pengorbanan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas saranan Perdana Menteri mengenai lima langkah penting yang boleh dilakukan rakyat bagi menangani kegawatan ekonomi yang melanda negara sekarang dengan berkesan.

Semalam, Dr Mahathir dilaporkan berkata, langkah itu ialah tidak menyimpan wang di luar negara; mengurangkan pembelian barangan import; tingkatkan eksport; simpan wang di bank tempatan dan jual harta di luar negara bagi membolehkan wang mereka di simpan di dalam negara.

Dekan Fakulti Ekonomi UKM, Prof Madya Dr Muhammad Alias, pula berkata rakyat perlu sentiasa diingatkan dengan pesanan Dr Mahathir itu supaya mereka tidak lupa tanggungjawab masing-masing membantu kerajaan mengatasi masalah itu.

Menurutnya, dalam konteks ini, corak kehidupan seharian juga penting dalam usaha menanam sikap keprihatinan terhadap ekonomi semasa.

"Misalnya, jika kita biasa dengan kehidupan mewah dan senang, tentunya sukar jika sesuatu di luar dugaan berlaku terhadap ekonomi kita dan langkah berjaga-jaga perlu diambil sebelum sesuatu buruk menimpa," katanya.

Selain itu, beliau berkata, tabiat menabung untuk keperluan masa depan juga dapat membantu sektor kewangan sebagai perantaraan pemusingan modal kepada pengusaha serta boleh menokok kepada kecairan pengaliran wang tunai negara.

(END)